

# Berita Harian MALAYSIA

SABTU, 5 OGOS, 1978

## Penyelewengan peluang berniaga

PERBUATAN sebilangan Bumiputera yang diluluskan permohonannya mendapatkan permit import (AP) oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kemudian "memperniagakan" permit itu untuk mendapat faedah yang cepat bukanlah lagi suatu rahsia. Ia telah diketahui umum dan menjadi bahan cemuhan terhadap Bumiputera yang ingin memulakan perniagaan oleh setengah-setengah pihak lain. Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkannya secara rasmi pula kelmarin apabila beliau memberi amaran supaya pemohon-pemohon tidak lagi mengulangi perbuatan demikian di masa akan datang.

Seperti yang dijelaskan oleh Dr. Mahathir, Kerajaan memberi peluang kepada Bumiputera mendapatkan permit import itu kerana kemungkinan mereka menjadi agen atau pengedar di negara ini adalah amat tipis. Dengan memberi kemudahan dan keutamaan permit import bagi setengah-setengah jenis barangan kepada mereka maka peluang itu terbuka dan membolehkan mereka juga turut bersama berlumba dalam bidang pengedaran.

Tetapi malangnya setengah-setengah pemohon yang lebih pantas merebut peluang itu tidak menjalankan perniagaan sebenarnya sebaliknya menggadalkan saja permit import itu kepada peniaga besar yang lain, biasanya bukan Bumiputera. Dengan demikian tujuan asal mewujudkan pengedar-pengedar Bumiputera bagi setengah-setengah bahan import itu gagal dengan sendirinya. Malah perbuatan mereka juga telah menyekat peniaga-peniaga lain yang jujur dan benar-benar berhasrat untuk berniaga daripada mendapat peluang yang sama. Kepantasan mereka serta hubungan-hubungan tertentu yang mereka lakukan menjadikan peniaga-peniaga yang jujur kerap tewas dalam pertandingan itu.

Kerana itu tindakan tidak melayan sebarang permohonan untuk permit import selagi tidak ada bukti yang pemohon benar-benar ingin menjalankan perniagaan sendiri seperti yang dijelaskan oleh Dr. Mahathir kelmarin adalah wajar. Memang tentangan terhadapnya telah pun berlaku. Golongan-golongan yang sebelum ini hidup dengan memperniagakan permit import itu mendakwa Kerajaan kini tidak berhasrat membantu peniaga yang baru muncul untuk berniaga. Mereka berkata kerajaan hanya ingin membantu peniaga-peniaga yang kaya, kerana hanya yang kaya saja yang benar-benar dapat menjalankan perniagaan barangan yang diimport itu. Kerana mereka ini bijak bercakap, dakwaan mereka itu mudah diterima oleh orang-orang yang tidak mengetahui kedudukan sebenarnya. Betapa pun kita rasa, pendedahan oleh Dr. Mahathir kelmarin dapat mengelakkan salah faham ini.